

Ingatan kepada akhbar, majalah

Kurangkan bahan berunsur lucah: Menteri

KUALA LUMPUR, Isnin — Akhbar dan majalah tempatan seharusnya mengurangkan penerbitan bahan berunsur lucah kerana ia bukan saja meracuni fikiran generasi muda juga menghakis keluhuran kebudayaan negara ini.

Perkara ini perlu diingatkan, kata Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat, kerana sebilangan besar pembaca di negara ini terdiri dari generasi muda.

Katanya, bahan-bahan berunsur lucah akan melalakan sebahagian besar rakyat di mana 75 peratus darinya terdiri dari mereka 30 tahun ke bawah.

Bellau menegaskan, jika tidak diambil tindakan, hasrat mempertahankan identiti kebudayaan luhur dan mengembangkan pembangunan fizikal dengan rohani akan gagal.

Datuk Mohamad berkata demikian semasa

merasmikan Bengkel dan Simposium Perhubungan Desa bagi 21 wartawan wanita anjuran bersama Institut Akhbar Malaysia dengan Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAMA).

Di samping itu, katanya, sesuai dengan cita-cita pembangunan negara, mereka yang terlibat dengan perusahaan media cetak mestilah memperbanyakkan penerbitan bahan bacaan yang membina.

Dalam usaha ini, tambahnya, wartawan wanita boleh membantu mengurangkan kegiatan menjadikannya sebagai bahan berita dan unsur keghairahan dalam penerbitan.

Datuk Mohamad juga berkata, bilangan pembaca majalah dan akhbar wanita di negara ini semakin meningkat berikutan berjaya pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Katanya, berdasarkan satu kajian, 40 peratus dari pembaca di Semenanjung Malaysia adalah wanita.

"Ini jika dikira empat juta dari orang dewasa di negara ini membaca akhbar harian," katanya.

Bellau menambah, satu trend yang menggalakkan ialah jumlah pembaca akhbar di luar bandar sekarang semakin meningkat.

"Sekarang sebilangan pembaca penting masyarakat luar bandar yang terdiri dari wanita sudah didedahkan pada isu yang berlaku di sekitar mereka, negara dan juga peringkat antarabangsa," katanya.

Datuk Mohamad selanjutnya berkata 40 peratus dari 1.7 juta rakyat yang membaca akhbar berbahasa Malaysia setiap hari adalah wanita.

Perkembangan penting ini juga dialami oleh akhbar berbahasa China di mana 40 peratus dari 1.6 juta pembaca lapan akhbar China itu terdiri dari wanita.

Sementara 35 peratus dari 900,000 pembaca akhbar Inggeris juga terdiri dari wanita dan pembaca wanita akhbar berbahasa Tamil ialah 15 peratus.

Ini bererti, jelasnya, lebih ramai wartawan wanita terlatih diperlukan oleh pihak akhbar dan majalah tempatan di masa-masa akan datang.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia